



**TEKS UCAPAN ALU-ALUAN**

**YBHG. DATO' SRI SUBROMANIAM THOLASY  
KETUA PENGARAH KASTAM MALAYSIA**

**BERSEMPENA:**

**MAJLIS MAKAN MALAM BERSAMA MENTERI KEWANGAN  
BERSEMPENA MESYUARAT PENGARAH-PENGARAH KASTAM  
SE-MALAYSIA KALI KE-86**

**TEMPAT:**

**HOLIDAY VILLA HOTEL & CONFERENCE CENTRE  
SUBANG, SELANGOR**

**TARIKH:**

**10 DISEMBER 2018 | ISNIN**

1. Terima kasih kepada tuan/puan pengacara majlis.

2. **YB. Tuan Lim Guan Eng,**  
Menteri Kewangan Malaysia, dan isteri,

**YBhg. Dato' Paddy Bin Abd Halim,**  
Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Perkastaman/Cukai Dalam Negeri),  
dan isteri,

**YBhg. Dato' Azimah Binti Abd. Hamid,**  
MTT. Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Penguatkuasaan/Pematuhan),

**YBhg. Dato' Dr. Zulkefli Bin Ibrahim,**  
Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Pengurusan), dan isteri,

**YBhg. Dato' Zulkurnain Bin Mohamed Yusof,**  
Penolong Ketua Pengarah Kastam (Zon Tengah) merangkap tuan rumah bagi  
Mesyuarat Pengarah-Pengarah Kastam Se-Malaysia Kali Ke-86, dan isteri,

Penolong-Penolong Ketua Pengarah Kastam,

Barisan Pengarah-Pengarah Bahagian Ibu Pejabat, Operasi Zon dan Negeri,

Yang Diraikan, Pegawai-Pegawai yang telah Bersara dan Bertukar,

Pegawai-Pegawai Kanan Jabatan,

Seterusnya tuan-tuan, puan-puan serta para hadirin yang saya hormati sekalian.

3. Salam Muhibah, Salam Semarak Integriti Kastam dan Salam Sayangi Malaysiaku.
4. Sebagai pemula kata, saya amat berbesar hati dan dengan penuh takzim, mengalu-alukan kehadiran **YB. Tuan Lim Guan Eng, Menteri Kewangan Malaysia** dan isteri, atas kesudian beliau untuk hadir pada **Majlis Makan Malam** bersempena **Mesyuarat Pengarah-Pengarah Kastam Se-Malaysia Kali Ke-86 (MPPKSM86)** ini.
5. Saya percaya YB. sangat-sangat sibuk dan masa yang diluangkan bersama-sama warga Kastam ini adalah amat bermakna dan tentunya menjadi kenangan yang terindah.
6. Selanjutnya, setinggi-tinggi penghargaan kepada yang **YBhg. Dato' Zulkurnain Bin Mohamed Yusof, Penolong Ketua Pengarah Kastam (Zon Tengah)** dan seluruh warga kerja Zon Tengah atas kejayaan merealisasikan **Mesyuarat Pengarah-Pengarah Kastam Se-Malaysia** pada kali ini.
7. Terima kasih juga saya ucapkan kepada semua barisan kepimpinan dan pengurusan tertinggi jabatan atas kesudian serta kesanggupan YBhg. Dato'-Dato', Datin-Datin, tuan-tuan dan puan-puan mengorbankan masa untuk hadir ke **Majlis Makan Malam bersama Menteri Kewangan** pada malam ini.

8. Ini mencerminkan kesungguhan dan keikhlasan semua pihak, lebih-lebih lagi pucuk pimpinan tertinggi Jabatan Kastam Diraja Malaysia dalam memberikan komitmen dan keprihatinan demi manfaat dan kesejahteraan rakyat dalam usaha memartabatkan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan.

**Hadirin Yang Dihormati Sekalian.**

9. Seperti yang kita sedia maklum, Tema **Mesyuarat Pengarah-Pengarah Kastam Se-Malaysia Kali Ke-86** ini adalah “**Perubahan Pemangkin Kecemerlangan**”.
10. Dikesempatan ini, ingin saya menarik perhatian semua hadirin bahawa Mesyuarat Pengarah-Pengarah Kastam pada kali ini merupakan kesinambungan Mesyuarat Pengarah-Pengarah sebelum ini yang telah berlangsung di Melaka pada bulan Julai 2018.
11. Bezanya, mesyuarat pada kali ini adalah dalam era SST 2.0 melalui usaha dan tindakan dalam memastikan hasrat kerajaan baharu untuk merubah sistem percukaian negara daripada regim GST ke SST berjaya dilaksanakan mengikut masa yang telah ditetapkan iaitu pada 1 September 2018.
12. Ini merupakan satu cabaran hebat yang perlu dipikul oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia yang mana secara dasarnya, peralihan sistem percukaian ini hanya mengambil tempoh dua bulan.

13. Berkat semangat juang serta kesungguhan oleh seluruh warga Kastam telah membuktikan yang kita boleh dan sanggup menjalankan amanah yang telah diberikan ini dengan sebaik-baiknya.
14. Saya yakin dan percaya bahawa tema yang diangkat dalam persidangan pada kali ini amatlah bersesuaian dengan era percukaian semasa.

**Hadirin Yang Dihormati Sekalian.**

15. Sebagai makluman, Mesyuarat Pengarah-Pengarah Kastam pada kali ini akan berlangsung selama empat hari bermula pada 9 Disember 2018 dan berakhir pada 12 Disember 2018.
16. Sebanyak 14 pembentangan akan berlangsung dalam tempoh tersebut.
17. Mesyuarat ini juga mengumpulkan semua Pengarah-Pengarah Jabatan Kastam dari seluruh Malaysia bagi membincangkan halatuju Jabatan Kastam Diraja Malaysia.
18. Saya merakamkan jutaan terima kasih khususnya kepada **YB. Tuan Lim Guan Eng**, yang telah mencetuskan idea untuk mengadakan sesi Jelajah Taklimat SST bersama komuniti peniaga di seluruh Malaysia bersempena pelaksanaan SST bermula 1 September 2018 yang lalu.
19. Dalam perkara ini, saya sebagai ketua jabatan yakin bahawa kerajaan kini sentiasa mendengar rintihan rakyat kerana YB. Menteri sendiri telah turun padang bersama-sama Kepimpinan Tertinggi Kementerian Kewangan bagi

menjawab setiap pertanyaan yang dilontarkan oleh para peserta taklimat yang hadir sepanjang sesi jelajah tersebut.

**Hadirin Yang Dihormati Sekalian.**

20. Untuk makluman, Jabatan Kastam kini giat melaksanakan operasi bagi meningkatkan pungutan hasil kepada negara.
21. Pelbagai operasi telah berjalan secara berterusan, bukan sahaja melibatkan cukai dalam negeri, malah operasi ini juga turut melibatkan duti import.
22. Jabatan Kastam juga telah mewujudkan beberapa skuad khas bagi mencegah penyeludupan yang merupakan musuh utama kepada hasil negara.
23. Selain itu, Jabatan Kastam Diraja Malaysia juga kini dalam proses melaksanakan “**zoning**” yang mana melibatkan enam zon, iaitu Zon Tengah, Zon Sabah, Zon Sarawak, Zon Utara, Zon Selatan dan Zon Timur.
24. Setakat ini dua zon telah berjaya dilaksanakan iaitu Zon Tengah dan Zon Sabah.
25. Besarlah harapan kita supaya sistem “**zoning**” ini berjaya meningkatkan produktiviti warga dan seterusnya memperkasakan kutipan hasil negara.
26. Sebagai Ketua Pengarah Kastam, saya juga mengambil ruang di sini untuk menyampaikan hasrat warga jabatan supaya **bayaran khas** yang telah diberikan pada penggal pertama tahun ini dapat diteruskan pada tahun

hadapan bagi mengenang jasa warga Kastam yang sentiasa bertungkus-lumus memastikan pungutan hasil negara diperolehi mengikut unjuran yang telah ditetapkan.

**Hadirin Yang Dihormati Sekalian.**

27. Dikesempatan ini juga, saya mengambil peluang untuk mengucapkan terima kasih kepada barisan Pengarah Jabatan Kastam yang telah bersara dan bertukar.
28. Semoga kehidupan dan pencapaian YBhg. Dato'-Dato' lebih maju jaya di masa hadapan dan sentiasa beroleh kesihatan serta kesejahteraan.
29. Dengan ini, saya dengan penuh rasa takzim dan sukacita mempersilakan **YB. Tuan Lim Guan Eng**, untuk menyampaikan ucapan dan amanat beliau.
30. Sekian, terima kasih.

**DATO' SRI SUBROMANIAM THOLASY,**  
**KETUA PENGARAH KASTAM MALAYSIA.**  
**TARIKH: 10 DISEMBER 2018**